



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : ETR3013**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **12** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. \_\_\_\_\_ telah mendefinisikan usahawan sebagai satu ejen yang membeli alat-alat pengeluaran untuk menghasilkan barangan yang boleh dipasarkan
  - A. Richard Cantillon
  - B. David Schumpeter
  - C. Joseph Schumpeter
  - D. Kuratko dan Hodgets
  
2. Mengambil berat tentang permintaan pelanggan dan memuaskan hati pelanggan merujuk kepada kompetensi \_\_\_\_\_
  - A. inisiatif
  - B. meyakinkan orang lain
  - C. komitmen terhadap perjanjian kerja
  - D. menitik beratkan mutu kerja yang tinggi
  
3. Syarikat Aliff Syukri sedang menghadapi masalah kewangan, maka Bella boleh mengambil kesempatan tersebut untuk membeli saham-saham Aliff Syukri atau tidak. Kenyataan ini merujuk kepada kepentingan perniagaan \_\_\_\_\_
  - A. memahami pergolakan perniagaan
  - B. merebut peluang perniagaan yang ada
  - C. menyelamatkan perniagaan dari terus rugi
  - D. menyediakan pekerjaan kepada masyarakat
  
4. Islam menjadikan keusahawanan sebagai elemen yang tidak terpisah daripada Islam. Apakah konsep keusahawanan Islam berdasarkan kenyataan diatas?
  - A. Peranan khalifah
  - B. Konsep kesyumulan
  - C. Usahawan yang mencapai Al-Falah
  - D. Qanaah iaitu redha dengan apa yang ada

5. Apakah faktor yang menyumbang kepada peluang perniagaan?
- Produk atau perkhidmatan sedia ada dan mudah didapati dalam pasaran
  - Pengguna mengkehendaki sesuatu produk dan perkhidmatan yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi
  - Keadaan persekitaran perniagaan yang padat mampu menyumbang kepada perkembangan perniagaan
  - Pertumbuhan teknologi yang pesat membantu usahawan bersaing dalam merebut peluang perniagaan
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. ii, iv  
D. i, ii, iii
6. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan sumber persekitaran dalaman
- Minat
  - Keperibadian
  - Pengalaman luas
  - Ilmu dan kemahiran
7. Fahmi ingin menubuhkan perniagaan perkongsian. Walau bagaimanapun, Fahmi perlu berhadapan dengan pelbagai risiko perniagaan. Apakah risiko perniagaan yang mungkin Fahmi hadapi?
- Liabiliti terhad
  - Jangka hayat perniagaan terhad
  - Saham tidak boleh dijual beli semula
  - Perkembangan dan kemajuan perniagaan terhad
8. Antara berikut merupakan bantuan kewangan kerajaan kepada usahawan **KECUALI**
- Bon
  - Intensif cukai
  - Skim jaminan
  - Pembiayaan ekuiti

9. Kenyataan di bawah merupakan komponen-komponen bentuk perniagaan. Kenalpasti apakah bentuk perniagaan yang bersesuaian dengan kenyataan tersebut.

- Boleh didakwa atau mendakwa atas nama sendiri di mahkamah
- Merupakan entity yang sah terpisah dengan pemilik
- Pemegang saham dianggotai 2-50 orang sahaja
- Mempunyai harta atas nama sendiri

- A. Milikan Tunggal
- B. Syarikat Awam Berhad
- C. Syarikat Sendirian Berhad
- D. Syarikat Perniagaan Perkongsian

10. Kenalpasti elemen-elemen yang terdapat di bahagian perniagaan rancangan perniagaan.

- i. Industri
- ii. Analisis perniagaan
- iii. Rancangan pemasaran
- iv. Ringkasan eksekutif atau abstrak

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii, iv
- D. i, ii, iii

11. Rancangan perniagaan dihasilkan sebagai?

- A. Merupakan dokumen yang penting bagi pihak pesaing
- B. Dokumen bertulis yang disediakan untuk keperluan semua pihak dalam dan luar organisasi
- C. Menerangkan semua elemen berkaitan kerugian yang bakal ditanggung oleh pemilik perniagaan
- D. Memberi panduan dan mekanisme kepada pihak pengurusan organisasi tentang matlamat perniagaan

Melahirkan garduan professional dan teknorat melalui kecemerlangan program pendidikan dan pembangunan modal insan berorientasikan pasaran untuk pembangunan negara

12. Kenyataan di atas merujuk kepada

- A. Objektif
- B. Tujuan
- C. Misi
- D. Visi



13. Apakah struktur organisasi yang sesuai berdasarkan gambarajah di atas?

- A. Struktur geografi
- B. Struktur fungsian
- C. Struktur produk
- D. Struktur matriks

14. Struktur matriks adalah gabungan dua struktur iaitu

- A. Struktur geografi dan fungsian
- B. Struktur fungsian dan produk
- C. Struktur geografi dan produk
- D. Struktur produk dan formal

15. \_\_\_\_\_ satu aktiviti, rancangan dan proses mencipta, menyampai, menghantar dan menukar tawaran bernilai untuk pengguna adalah proses
- Perancangan
  - Pemasaran
  - Pentadbiran
  - Pengoperasian
16. Manakah di antara berikut merupakan elemen psikografik?
- Bilangan ahli keluarga
  - Pendidikan
  - Keinginan
  - Pekerjaan
17. Encik Firdaus ingin menganalisis Rancangan Pemasaran di dalam Rancangan Perniagaan yang ditulisnya. Apakah elemen penting yang terdapat di dalam Rancangan Pemasaran Encik Firdaus?
- Ramalan Jualan
  - Carta Aliran Proses
  - Penyata Pendapatan
  - Jadual Spesifikasi Tugas
- Reka bentuk atau penjelasan pakej
  - Corak pembungkusan dan jenama berkaitan
18. Apakah strategi pemasaran yang sesuai berdasarkan ciri-ciri di atas
- Harga
  - Edaran
  - Promosi
  - Barangan

19. Yang manakah antara berikut **BUKAN** bantuan sokongan perniagaan di Malaysia
- A. MARA (Majlis Amanah Rakyat)
  - B. FAMA (Federal Agricultural Marketing)
  - C. MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute)
  - D. FOMCA (Federation of Malaysian Consumer Associations)
20. Yang manakah di antara berikut mewakili contoh pendaftaran lesen umum?
- A. Kelayakan jentera
  - B. Kelulusan pelan bangunan
  - C. Pertubuhan keselamatan sosial
  - D. Kelulusan memasang alat kawalan pencemaran udara

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Dengan menggunakan ayat sendiri, terangkan maksud keusahawanan  
(4 markah)
- b. Jelaskan **TIGA (3)** kepentingan keusahawanan kepada pembangunan negara  
(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berikan **TIGA (3)** proses pertama di dalam mengenalpasti, menilai dan memilih peluang  
(3 markah)
- b. Nyatakan antara **TIGA (3)** keburukan perniagaan milikan tunggal  
(3 markah)
- c. Haffiz dan Rizwin merupakan rakan sekolej. Setelah tamat pengajian mereka bercadang untuk membentuk satu perniagaan yang akan diuruskan bersama kelak. Senaraikan **EMPAT (4)** isi kandungan di dalam perjanjian bertulis perniagaan perkongsian yang perlu di buat oleh mereka.  
(4 markah)

**SOALAN 3**

Pengurusan risiko merupakan tindakan dan usaha yang dilakukan untuk mengenalpasti risiko yang mungkin akan wujud dan seterusnya cuba untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko tersebut.

Bincangkan **LIMA (5)** jenis risiko dan cara yang boleh dilakukan oleh seseorang usahawan untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko tersebut

**SOALAN 4**

a. Berikan perbezaan di antara keperluan dan kehendak

(2 markah)

b. Jelaskan **EMPAT (4)** langkah utama dalam menyediakan ramalan jualan

(8 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**


Rancangan Operasi merupakan salah satu bahagian dan elemen penting di dalam Rancangan Perniagaan. Komponen ini merangkakan pengurusan operasi sebagai satu aktiviti perniagaan yang merekabentuk, membangun serta menyelenggara sistem dan proses serta sumber yang dapat memenuhi keperluan pengguna.

- a. Huraikan LAPAN (8) komponen utama yang terdapat di dalam rancangan operasi.


(16 markah)

- b. Apakah maksud symbol berikut bagi setiap aktiviti pengeluaran dibawah:


i.



ii.



iii.



iv.



(4 markah)

**SOALAN 2**

Pada hari ini, memulakan perniagaan sendiri merupakan jenis perniagaan yang terkenal dan mendapat tempat di Malaysia. Perniagaan ini menjadi pilihan masyarakat di Negara ini kerana pemilik bebas untuk memilih jenis atau bentuk perniagaan sama ada milikan tunggal, perkongsian atau syarikat.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan memulakan perniagaan sendiri. Jelaskan.  
(4 markah)
  
- b. Huraikan **EMPAT (4)** langkah-langkah yang perlu diambil sebelum memulakan perniagaan.  
(8 markah)
  
- c. Kenalpasti **EMPAT (4)** kelebihan dan **EMPAT (4)** kelemahan memulakan perniagaan sendiri berbanding dengan jenis perniagaan lain.  
(8 markah)

**SOALAN 3**

Peluang merupakan satu konsep perniagaan yang menghasilkan keuntungan dan akan berubah dari keadaan yang baik menjadi keadaan yang tidak baik atau kerugian berubah menjadi keuntungan.

- a. Bincangkan proses menganalisis faktor-faktor persekitaran luaran  
(4 markah)
- b. Bincangkan proses menganalisis faktor-faktor persekitaran dalaman  
(4 markah)
- c. Huraikan **LIMA (5)** kemahiran mengenal pasti sumber perniagaan.  
(12 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

